

03 NOV 2000

Ezam-Polis

EZAM MOHD NOOR HADIR DI IPD KOTA SETAR

ALOR SETAR, 3 Nov (Bernama) -- Ketua Pemuda Keadilan (Keadilan) Ezam Mohd Noor hadir di ibu Pejabat Daerah (IPD) Polis Kota Setar bagi membantu siasatan polis berhubung dakwaan bahawa beliau telah memburukkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di luar negara.

Ezam tiba di IPD pada pukul 3.15 petang ditemani ketua pemuda PAS Kedah Aris Awang. Kira-kira 50 penyokong beliau turut berada di luar perkarangan IPD bagi memberi sakongan.

Ezam keluar setengah jam kemudian dan memberitahu pemberita bahawa beliau telah berjumpa dengan Pegawai Penyiasat Kanan IPD, ASP Che Man Idrus.

Kedatangannya itu adalah atas inisiatif sendiri bagi membantu serta mempercepatkan proses siasatan polis, katanya.

Dua laporan polis telah dibuat terhadap Ezam oleh dua anggota Umno pada 27 Okt lepas berhubung pengakuan Ezam semasa berceramah di Batu Tiga Tandop, di sini, pada 23 Okt lepas yang mana beliau mengaku telah memburukkan Dr Mahathir di Amerika Syarikat dan Eropah.

Dua orang, iaitu wartawan Utusan Malaysia Yusri Sahat serta penganjur ceramah di Batu Tiga, Tandop itu iaitu Zulkifli Nayan, telah memberi keterangan kepada polis untuk membantu siasatan kes berkenaan.

Ezam disiasat mengikut Seksyen 4 (1) (b) Akta Hasutan 1948.

"Saya telah menggunakan hak mengikut Seksyen 112 (2) Akta Hasutan untuk tidak menjawab sebarang soalan (pegawai polis itu) yang boleh sabitkan kesalahan terhadap saya. Saya bersedia untuk menjawab semua soalan itu di mahkamah," katanya.

"Saya juga mencabar supaya kes itu dibawa segera ke mahkamah dan sekiranya tidak, saya akan mengambil tindakan undang-undang terhadap Dr Mahathir yang baru-baru ini dalam laporan akhbar menuduh saya sebagai pengkhianat negara," kata Ezam.

-- BERNAMA

MZM MNY PR